

19 JUL 1999

Mahathir-masjid

DR MAHATHIR MINTA PAS ELAK PERALAT MASJID

JITRA, 19 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta parti pembangkang terutama PAS berhenti memperalatkan masjid dan surau untuk kepentingan politik mereka dan mengekalkan kesuciannya sebagai tempat ibadat.

Perdana Menteri berkata masjid bagi masyarakat Islam adalah tempat yang sangat penting kerana selain daripada beribadat, ia untuk mempereratkan persaudaraan sesama umat Islam antaranya melalui solat berjemaah.

Beliau juga meminta PAS tidak menyalahgunakan khutbah Jummat untuk menanam rasa benci terhadap kerajaan dan pemimpinnya kerana forum itu mengikut ajaran Islam ialah untuk menyeru kepada kebaikan dan menerangkan tentang ajaran Islam.

"Islam tidak menyuruh kita melemparkan fitnah (melalui khutbah) dan memecah belahkan perpaduan umat Islam," katanya ketika berucap pada perjumpaan dengan rakyat di Kampung Ketol, Batu 17, mukim Tunjang dekat sini petang ini.

Dr Mahathir melahirkan rasa kesal walaupun ajaran Islam mengajar bahawa setiap penganutnya itu bersaudara tetapi akibat penyalahgunaan masjid untuk kepentingan politik, umat Islam berbalah, malahan kadang kala bertumbuk di dalamnya.

"Apabila sudah keluar dari masjid kalau nak bertumpuk, bertumbuklah, tetapi lebih baik jangan bertumbuk," kata Dr Mahathir yang juga Anggota Parlimen kawasan Kubang Pasu.

Katanya beliau teringat satu pergaduhan antara pengawal-pengawal keselamatan dua pemimpin negara anggota Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) pada satu persidangan di Taif dahulu.

Katanya mereka bergaduh dalam kawasan Masjidil Haram kerana mahu pemimpin masing-masing berjalan keluar dahulu meninggalkan kawasan masjid itu untuk ke Taif bagi acara perasmian persidangan OIC sejurus selepas solat Asar dan satu syarahan agama yang begitu bersemangat sehingga penceramahannya menangis.

"Saya berharap umat Islam di Malaysia tidak jadi begitu," katanya.

Dr Mahathir berkata PAS dan Umno memang ada perbezaan pendapat daripada segi politik tetapi itu seharusnya diselesaikan di luar masjid kerana ajaran Islam tidak menyuruh umatnya memperalatkan masjid bagi melemparkan kata-kata kesat dan memaki hamun lawan politik.

"Kalau mereka tidak dapat bersetuju dengan kita tidak mengapa, sebab tidak mungkin setiap orang 100 peratus bersependapat, tetapi janganlah berpolitik dalam masjid kerana ini boleh membuat orang cenderung memperalatkan agama bagi kepentingan politik," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau sedih kerana pemimpin-pemimpin PAS yang dikatakan ahli dalam agama tidak menggunakan kebolehan mereka untuk kebaikan umat Islam seperti mencegah anak-anak muda dari penyalahgunaan dadah.

Katanya walaupun masalah dadah dihadapi oleh muda-mudi Islam tetapi beliau tidak pernah mendengar pemimpin-pemimpin parti itu bercakap mengenai bahaya dadah dalam ceramah mereka.

"Sebaliknya mereka hanya gemar melemparkan pelbagai tohmahan terhadap para pemimpin kerajaan dengan tujuan menimbulkan kebencian rakyat dengan satu tujuan iaitu mendapatkan kuasa politik," kata beliau.

Katanya dalam keghairahan berbuat demikian, ada pemimpin PAS sanggup menuduh Umno sebagai kafir baru-baru ini walaupun tidak berapa lama dahulu

orang yang sama mendakwa bahawa tuduhan itu dilakukan oleh pelampau-pelampau dalam parti itu yang kini sudah menyertai Umno.

"Lebih menyedihkan apabila orang yang dianggap ahli agama baru-baru ini berkata ajaran Islam membolehkan penganutnya mencarut kerana Tuhan juga mencarut. Ini menghina Tuhan.

"Janganlah kita mencampur aduk politik dengan agama. Ini boleh merosakkan agama, akibat salah tafsiran," katanya.

--BERNAMA

TM ZKS MAI